

<b>Headline</b>	<b>MTDC bangunkan 47 usahawan siswazah</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Berita Harian</b>		
<b>Date</b>	18 Jan 2013	<b>Color</b>	<b>Black/white</b>
<b>Section</b>	<b>Ekonomi</b>	<b>Circulation</b>	<b>192,982</b>
<b>Page No</b>	<b>B2</b>	<b>Readership</b>	<b>1,521,000</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>187 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	N/A	<b>AdValue</b>	<b>RM 3,280</b>
<b>Frequency</b>	Daily	<b>PR Value</b>	<b>RM 9,839</b>



# MTDC bangunkan 47 usahawan siswazah

**Malaysia** Technology Development Corporation Sdn Bhd (MTDC) membantu membangunkan 47 graduan universiti tempatan sebagai usahawan teknologi sejak 2008 menerusi Program Simbiosis.

Ketua Eksekutifnya, Datuk Norhalim Yunus, berkata menerusi program itu, syarikat milik graduan berkenaan menghasilkan dan mengkomersilkan 20 produk di pasaran tempatan dengan pendapatan digabungkan mencapai lebih RM1 juta.

Katanya, ketika ini MTDC menjalankan kerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) yang mempunyai hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang boleh dikomersilkan.

"Program Simbiosis ini adalah sesuatu yang strategik dan sejarah aspirasi negara. Kebiasaannya, ia mengambil masa panjang bagi

produk atau perkhidmatan berdasarkan R&D untuk diperkenalkan di pasaran.

## Laluan pantas pengkomersialan

"Program ini adalah laluan pantas bagi melaksanakan pengkomersialan. Daripada 20 produk yang dikomersilkan, 10 adalah daripada FRIM selain UTM dan UKM, yang mana kebanyakannya adalah berdasarkan herba dan pertanian," katanya pada sidang media selepas pembentangan laporan kemajuan oleh usahawan graduan dalam aktiviti pengkomersialan.

biosis itu, semalam.

Di bawah program itu, katanya, penyelidik universiti atau institusi penyelidikan yang terpilih hasil penyelidikannya akan dilantik sebagai penasihat teknikal, iaitu sebahagian pembangunan kapasiti untuk membantu usahawan graduan dalam aktiviti pengkomersialan.

Katanya, ia membabitkan latihan dan bengkel kepada graduan yang dipilih berdasarkan semangat keusahawanan, jati diri dan kepimpinan yang dinilai sepanjang program.

"Selepas berjaya menamatkan latihan itu, graduan perlu membentangkan rancangan perniagaan yang akan dinilai bagi pemilihan sebagai usahawan. Mereka yang berjaya, akan menubuhkan syarikat untuk mengkomersilkan teknologi mereka di mananya pusat teknologi MTDC.

"Seterusnya, apabila prototaip untuk ke pasaran mereka siap, syarikat itu kemudian boleh membuat permohonan geran dan bantuan dana daripada MTDC," katanya.

*"Kebiasaannya, ia mengambil masa panjang bagi produk atau perkhidmatan berdasarkan R&D untuk diperkenalkan di pasaran"*

**Norhalim Yunus,**  
Ketua Eksekutif MTDC